

ES10170013

09 Disember 2015

Tuan/Puan,

**Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan RSPO ke atas Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. – SOU 5 Seri Intan**

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaiannya bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. - Unit Pensijilan SOU 5 Seri Intan.

Berikut adalah maklumat mengenai Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.:

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. telah memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk mendapatkan pensijilan RSPO bagi 9 daripada 59 unit pensijilan.

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd (No Keahlian : 1-0008-04-000-00) memiliki 200 ladang kelapa sawit dan 59 buah kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak di Malaysia dan di Kalimantan, Sumatera & Sulawesi di Indonesia. Pada masa ini, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd menyelia ladang adalah 348,153 hektar di Malaysia dan 290,320 hektar di Indonesia. Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. juga membeli buah tandan segar dari pekebun kecil sekitarnya.

Selain daripada ladang dan operasi kilang, Sime Darby Plantation Sdn. Bhd juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti hiliran termasuk penapisan minyak, pengeluaran produk minyak dan lemak, oleokimia dan biodiesel di empat belas buah negara.

Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. merupakan ahli perintis kepada RSPO dan sentiasa menunjukkan komitmen dalam bidang ini. Ia telah dan terus mengambil bahagian secara aktif dalam persidangan tempatan dan antarabangsa berkaitan dengan RSPO seperti penyertaan dalam RT1 hingga RT13.



MS ISO/IEC 17021 : 2006 QS 02121999 CB 01  
MS ISO/IEC 17021 : 2006 EMS 17122002 CB 02  
MS ISO/IEC GUIDE 1 : 2006 SAMM NO. 001 CB 01  
MS ISO/IEC 17021 : 2006 OSH 06122005 CB 01  
MS ISO/IEC 17021 : 2006 HACCP 06052008 CB 03  
ISO/TS 22003 : 2007 FSMS 23122008 CB 01  
MS ISO/IEC 17021 : 2006 FMC 10122009 CB 02

MS ISO/IEC 17025 CALIBRATION / TESTING  
SAMM NO. 085 SAMM NO. 086  
SAMM NO. 087 SAMM NO. 219  
SAMM NO. 231 SAMM NO. 240  
SAMM NO. 299 SAMM NO. 474  
SAMM NO. 377

MS ISO/IEC 17020 MIBAS NO. 003

074

Halaman 1 dari 5

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan penilaian pensijilan semula Sime Darby Plantation Sdn. Bhd - SOU 5 Seri Intan bermula dari 19 Januari 2016 sehingga 22 Januari 2016. Standard RSPO Principle & Criteria MYNI, 2014 dan Standard RSPO Supply Chain, 2014 adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. SOU 5 Seri Intan terletak di Perak, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Khairul Najwan Ahmad Jahari	Ketua Juruaudit / HCV Habitat & Ekologi dan Isu Pekerja & Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengalaman selama 7 tahun dalam kawasan berkaitan hutan sebagai penyelidik dengan FRIM sejak 2003</li> <li>Mengumpul lebih daripada 32 "man-days" dalam pgauditan MC&amp;I (2002) sebagai juruaudit hutan</li> <li>Menghadiri latihan RSPO P&amp;C dan keperluan pensijilan pada bulan Januari 2011</li> <li>Menduduki dan lulus dalam 'EMS 14001: 2004 Lead Auditor Course', Mac 2009</li> </ul>
Jagathesan Suppiah a/l	Juruaudit/ Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Isu Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berpengalaman lebih daripada 23 tahun dalam bidang pembuatan pelbagai pengurusan, Pengurusan Operasi, Jaminan Kualiti &amp; Hal Ehwal dan Kualiti &amp; Kawalan Proses Disiplin</li> <li>Pengalaman menjalankan audit ke atas lebih daripada 700 syarikat di seluruh Malaysia sejak 15 tahun yang lalu dalam pelbagai skim i.e ISO 9000, ISO 13485, ISO 14000, OSHAS 18000 dan peraturan GMP / FDA</li> <li>Berjaya menamatkan latihan ketua juruaudit untuk ISO 9001, ISO 14000, OSHAS 18001, ISO 13485 dan RSPO</li> <li>Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kimia</li> </ul>
Selvasingam Kandiah T.	Juruaudit / Pertanian (GAP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengumpul 46 hari dalam pgauditan RSPO.</li> <li>Memiliki Ijazah (kepujian) Pertanian - Universiti Sains Pertanian, Hebbal, Bangalore, India (1969-1973).</li> <li>Penanam bersama Kumpulan Guthrie Berhad (1995-2002) termasuk satu tahun di Liberia dan 2 tahun di Jabatan Estate di Guthrie Group Berhad (HQ).</li> <li>Pengalaman dalam urusan :           <ul style="list-style-type: none"> <li>Nurseri : getah dan koko</li> <li>Kawasan tidak matang : penanaman koko semula , penanaman getah semula &amp; penanaman kelapa sawit semula</li> <li>Kawasan: koko , getah &amp; kelapa sawit.</li> </ul> </li> </ul>
Zulkarnain Abdullah	Juruaudit / Supply Chain (SC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjalankan audit lebih daripada 160 hari dalam mengaudit pelbagai skim i.e. OHSAS 18001, RSPO P&amp;C dan RSPO SCCS.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk ISO 9001, QMS 9001 and ISO 14001.</li> <li>• Berjaya menamatkan latihan RSPO Supply Chain sistem pensijilan dan standard.</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan - Universiti Pertanian Malaysia.</li> </ul>
--	--	---

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan :

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaiannya bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan dinilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada :

**Puan Radziah Mohd Daud**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian &  
Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM,  
No. 1, Persiaran Dato' Menteri,  
40700 Shah Alam  
Selangor,  
Malaysia.  
Telefon : +603 5544 6448  
Faks : +603 5544 6763  
Email : radziah@sirim.my

atau **Puan Sabarinah Marzuky**

Ketua Seksyen Unit RSPO & Pensijilan  
Sime Darby Plantation Sdn. Bhd.  
Tingkat 3A, Blok Utama, Menara Pertanian,  
No. 2, Jalan PJU 1A/7, Ara Damansara  
47301, Ara Damansara,  
Selangor,  
Malaysia.  
Telefon : +603 7848 4388  
Faks : +603 7848 4363  
Email : sabarinah.marzuky@simedarby.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,

(PARAMA ISWARA SUBRAMANIAM)  
Pengurus Besar Kanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**LAMPIRAN**

**Lampiran 1**

Unit Pensijilan SOU 5 Seri Intan:

<b>KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA</b>						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
	(MT/Jam)	Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Seri Intan Palm Oil Mill	60	Seri Intan Palm Oil Mill, Bt 5, Jalan Maharaja Lela, 36009 Teluk Intan, Perak	100°59'8.01"E	3°58'9.22"N	55,300.20	14,802.89
<b>LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA</b>						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Seri Intan Estate (Main Division)	Seri Intan Estate, 36009 Teluk Intan, Perak	100°58'48.51"E	3°58'13.34"N	2,960.40	2,387.10	63,305.00
Sabrang Estate	Sabrang Estate, 36009 Teluk Intan, Perak	100°58'26.02"E	3°58'35.70N	3,844.22	3,143.47	94,812.00
Sungai Wangi Estate	Ladang Sungai Wangi, 32000 Sitiawan, Perak	100°42'50.6"E	4°14'33.2"N	2,258.99	1,474.57	30,680.00

Sogomana Estate (Main Division)	Ladang Sogomana, 32500, Changkat, Kruing, Perak	100°7'E	4°4'N	1,121.96	944.90	25,900.00
	<b>Total</b>			<b>10,185.57</b>	<b>7,950.04</b>	<b>214,697.00</b>